


# Bulletin

Remembrance of AlQuds ( ROQS )



Selamatkan Al-Quds





## SEKILAS PANDANG.....

Menyingkap serangan Israel ke atas Gaza dahulu menunjukkan apa-apa yang berlaku ke atas Gaza sekarang ini adalah siri kezaliman rejim zionis yang telah bermula pada 28 September 2000 lagi, apabila kerajaan penjajah Zionis mengisytiharkan wajib melaksanakan sekatan ke atas Gaza kerana ia merupakan kubu kuat pemimpin HAMAS.

Bagi merealisasikan rancangan tersebut, penjajah Zionis telah menutup sempadan perhubungan antara Gaza dengan Tebing Barat sepenuhnya. Pihak Zionis juga menyekat pemberian wang cukai yang merupakan hak kerajaan Palestin. Bagi menyempurnakan lagi sekatan, Zionis telah meruntuhkan Pelabuhan Gaza sekaligus.

Kekejaman Zionis bukanlah sesuatu yang perlu dihairankan. Tahun 2009 menyaksikan genapnya 40 tahun Hari Al-Quds disambut oleh umat Islam yang mengambil cakna berkaitan hal-hal umat Islam. Apa yang dimaksudkan dengan hari Al-Quds? Buletin Palestin keluaran BPP kali ini ada jawapannya, Insya- ALLAH.


Bukanlah kita hanya ingin bersemangat apabila berlaku serangan di Palestin apatah lagi sekadar menyambut dan mengingati hari-hari tertentu sahaja. Namun, ini adalah salah satu inisiatif kita untuk terus menyalakan semangat dan sebagai satu bentuk usaha yang berterusan terhadap isu antarabangsa ini.

Kita di Jordan hanya beberapa kilometer sahaja dari tanah Palestin, bukan? Namun, sejauh mana tindakan kita dan pengetahuan kita berkaitan dengan hal ini? Tepuk dada, tanyalah iman. Buatlah sekadar kemampuan yang kita miliki.


Semarak Roh Perjuangan!

“Mahasiswa Matang, PERMATA Gemilang”

Ahmad Amiruddin Bin Ibrahim  
- Presiden PERMATA 2009/2010 -



# Selamatkan Al-Quds



The Battle of Al-Aqsa  
By: Umm Aburrahman  
An American Migrant Living in Qatar

\*\*\*\*\*

We have no more to lose, now we must take a stand!  
Our ancestors lived here, they ploughed here and prayed  
Until they fell victim to the Zionist state.

Here we once lived in honor and labored in peace  
Then many were scattered throughout foreign countries  
Where they anguish in exile in poor shanty towns  
Hoping one day to return to our own piece of ground.

Even though we are martyred by day and by night  
As we struggle to regain the land of our birthright,  
Teach our brothers and sisters to follow our steps  
So that each generation craves freedom or death!

Let our Ummah support us!!  
Let our leaders unite!!

Let our brave soldiers join the front line in our fight!  
Dear mothers, have courage as we hurl our stones!  
Dear mothers, have patience when our bodies come home!

(With rocks in their hands and Jihad on their lips,)  
Our youth are defending Al-Aqsa Masjid  
With their blood, and their lives as supreme sacrifice!  
May Allah welcome them in the highest Paradise!

## SEUNTAI KATA SEKALUNG PENGHARGAAN

Pembentukan Negara Haram Israel pada 15 Mei, 1948 di bumi Palestin 60 tahun lalu telah mengundang malapetaka besar dan dunia menyaksikan kekejaman rejim Zionis melalui pertempuran demi pertempuran yang mengakibatkan beribu-ribu warganegaraanya gugur syahid, jutaan pelarian yang meninggalkan tanah airnya sendiri,serta berhadapan pula masalah pengangguran dan cacat anggota. Tidak kurang juga anak-anak menjadi yatim kerana kehilangan ibu bapa dan isteri menjadi janda kerana kehilangan suami yang terkorban mempertahankan Palestin dari terus dijajah dan dicabuli.

Bahkan mereka yang tidak pernah kenal erti peri kemanusiaan itu sanggup membakar Masjidil Aqsa pada 21 Ogos 1969 sekaligus menjadi punca sebenar tertubuhnya Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) serta diisytiharkan tarikh tersebut sebagai Hari Al-Quds sedunia.

Penderitaan dan kesengsaraan berpanjangan yang ditanggung rakyat Palestin menjadi satu keinsafan bagi umat Islam menghulurkan bantuan. Namun seharusnya,kesedaran dan ingatan terhadap saudara seaqidah kita bukanlah bermusim.Selagi tanah Palestin belum dibebaskan dan selagi kita bernama Muslim,teruskanlah perjuangan ini bersama-sama selagi mampu.

Justeru itu, Biro Penerangan dan Penerbitan (BPP) PERMATA sesi ini mengambil inisiatif untuk mengeluarkan buletin khas Palestin bagi mengingati dan menyemarakkan kembali roh perjuangan setiap mahasiswa dan mahasiswi Malaysia Mu'tah khususnya,serta setiap individu Muslim amnya.Moga setiap info yang disampaikan bakal meninggalkan manfaat yang besar buat kita semua.

“ BPP di Hujung Jari ”

Mohd Shaiffudin Bin Abu Bakar  
- Pengerusi BPP PERMATA 2009/2010 -



DISEBALIK HARI AL-QUDS

Sumber : <http://matpeet.blogspot.com>

\*\*\*\*\*

TANGGAL 21 Ogos merupakan tarikh yang amat penting dalam lipatan sejarah umat Islam. Apa tidaknya, Pertubuhan Persidangan Islam atau lebih dikenali dengan OIC lahir kerana insiden 21 Ogos. Apakah yang berlaku sehingga persidangan ini tercetus?

Pada 21 Ogos 1969, seorang lelaki berbangsa Australia bernama Dennis Michael Rohan telah membakar Masjid Al- Aqsa. Api menyala besar dan membakar tembok serta mimbar yang besar (mimbar Solahuddin). Api marak dengan dahsyat sekali seolah-olah seluruh Masjid Al-Aqsa akan musnah ketika itu. Seheinggakan pihak bomba juga tidak hadir menghulur bantuan. Tetapi Allah s.w.t telah menyelamatkan Masjid Al-Aqsa dan melindunginya. Akhirnya api dapat dipadamkan.

Setelah itu orang-orang Yahudi membuat pengadilan pura-pura terhadap Rohan. Lucunya, Rohan mendakwa bahawa dia diutuskan oleh Allah untuk melakukan pembakaran itu, bersesuaian dengan berita dari Kitab Zakaria.

Apa yang menyedihkan kemudiannya ialah Yahudi membebaskannya dengan mengatakan Rohan 'gila', dengan kata lain, tidak waras sekaligus tidak boleh didakwa.

Maka, atas sebab itu, Rohan tidak dapat dipertanggungjawabkan atas kejadian tersebut. Bertitik-tolak insiden menghinakan itu, negara-negara Islam di seluruh dunia bangkit mempertahankan tempat suci mereka dan mengecam perbuatan keji terhadap Al-Aqsa.

Maka sejak itu, 21 Ogos tanpa gagal diangkat sebagai Hari Al-Quds se-dunia. Ia disambut sebagai tanda memperingati tragedi pembakaran masjid Al-Aqsa.

Tragedi tersebut merupakan catatan sejarah yang paling menyedihkan dalam sejarah umat Islam. Masjid Al-Aqsa yang begitu suci itu telah dihina sedemikian rupa.



Yet, do you know the truth of where your money goes?  
Do you let the media deceive your mind?  
Is this a truth nobody, nobody, nobody knows?  
Someone tell me ...

Ooohh, let's not cry tonight, I promise you one day it's through  
Ohh my brothers, Ohh my sisters,  
Ooohh, shine a light for every soul that ain't with us no more  
Ohh my brothers, Ohh my sisters,

Americans , do you realize that the taxes that you pay  
Feed the forces that traumatize my every living day  
So if I won't be here tomorrow  
It's written in my faith  
May the future bring a brighter day  
The end of our ways

(pause)

Ooohh, let's not cry tonight, I promise you one day it's through  
Ohh my brothers, Ohh my sisters,  
Ooohh, shine a light for every soul that ain't with us no more  
Ohh my brothers, Ohh my sisters,

[with kids]

Ohh let's not cry tonight I promise you one day is through  
Ohh my brothers! Ohh my sisters!  
Ooh shine a light for every soul that ain't with us no more  
Ohh my brothers! Ohh my sisters!

Look Into My Eyes by ; Outlandish

Ooohh, let's not cry tonight  
I promise you one day it's through  
Ohh my brothers, Ohh my sisters  
Ooohh, shine a light for every soul that ain't with us no more  
Ohh my brothers, Ohh my sisters

See I've known terror for quite some time  
57 years so cruel  
Terror breathes the air I breathe  
It's the checkpoint on my way to school  
Terror is the robbery of my land  
And the torture of my mother  
The imprisonment of my innocent father  
The bullet in my baby brother  
The bulldozers and the tanks  
The gases and the guns  
The bombs that fall outside my door  
All due to your funds  
You blame me for defending myself  
Against the ways of my enemies  
I'm terrorized in my own land (what)  
And I'm the terrorist?

Yet, do you know the truth of where your money goes?  
Do you let the media deceive your mind?  
Is this a truth nobody, nobody, nobody knows?  
Has our world gone all blind?

Tidak menghairankan apabila semua umat Islam seluruh dunia 'terbakar' hati dan perasaan mereka kerana tindakan Rohan, 38 tahun lalu. Begitulah nasib tanah suci umat Islam yang ketiga setelah dihuni oleh rejim Zionis.

Perlu diingatkan, isu Masjid Al-Aqsa ini ada hubung kait dengan hal-hal Palestin. Maka selayaknya, isu Palestin ini merupakan isu yang diper-tanggungjawabkan bagi sekalian umat Islam. Satunya kerana, kedudukan Masjid al-Aqsa sebagai Tanah Suci ketiga dalam Islam. Selebihnya ia merupakan kiblat pertama umat Islam selain menjadi bumi didiami para Nabi serta pusat pemerintahan dunia Islam seperti yang dirakamkan dalam hadis Rasulullah.

Bagi masyarakat bukan Islam, isu Palestin menggambarkan ketidakadilan dan kezaliman rejim terhadap bangsa Palestin yang perlu sama-sama dibela dan diperjuangkan.

Hari ini Palestin berada dalam tangan rejim Zionis yang telah berjaya merampasnya daripada tangan umat Islam.

Akibatnya, umat Palestin telah dihalau keluar, dizalimi, ditindas, dikambinghitamkan, dipenjarakan dan dibunuh. Nasib yang melanda umat Islam Palestin memerlukan pembelaan daripada seluruh umat Islam.

Sebagai usaha pembelaan dan kepedulian, maka Hari Memperingati Al-Quds atau Remembrance of Al-Quds (ROQS) merupakan sebuah gagasan yang menjadi simbol solidariti umat Islam di Malaysia terhadap umat Palestin.

## Himpunan Kisah-kisah Rakyat Dari Timur Tengah

\*\*\*\*\*

Pada suatu hari yang nyaman, dengan tiupan angin sepoi-sepoi bahasa, sebuah keluarga besar telah pergi berkelah di tepi pantai. Keluarga ini merupakan sebuah keluarga yang kaya raya. Ada tauke balak, ada tauke minyak, ada tauke minyak sawit, ada tauke getah, ada tauke emas dan macam-macam lagi perniagaan keluarga ni. Namun, tidak mungkin dalam satu bakul buah itu, semuanya elok, pasti ada juga yang busuk.

Sebenarnya kehidupan adik-beradik ini mulai goyah selepas bapa mereka dibunuh secara kejam di Turki. Mereka mula bertelagah sesama sendiri. Bagi abang-abang yang kaya, mereka mula melupakan adik-adik mereka yang miskin. Bagi adik-adik yang mula belajar hidup berdikari, maka mereka berusaha membantu adik-adik yang miskin itu semampunya sambil menempelak abang-abang mereka yang mula lupa diri.

Semasa keluarga ini berkelah, seorang adik perempuan mereka telah diculik dan telah dicabul kehormatannya dengan kejam. Perlakuan tersebut berlaku di depan khemah abang-abang yang kaya itu. Pencabulan si adik itu dilakukan oleh sekumpulan pendatang haram yang suka membuat kacau dalam kehidupan orang lain. Adik-adik yang lemah ini hanya mampu memandang dengan kesayuan. Tetapi si abang-abang hanya melihat dengan penuh keseronokan adik perempuan mereka dicabul kehormatannya di hadapan khemah mereka sendiri.

Tidak lama selepas itu pula, salah seorang adik lelaki mereka pula telah lemas di hanyut ombak. Salah seorang daripada mereka cuba menyelamatkan si adik yang lemas itu tetapi dihalang oleh abang atas alasan, marilah bawa berbincang dahulu. Jangan terburu-buru, bahaya sedang menanti. Akhirnya, di saat adik perempuan mereka diratah dengan penuh nafsu oleh sekumpulan pendatang haram itu, dan adik lelaki pula hampir mati kelelasan di tengah lautan, mereka telah duduk berbincang sambil makan makanan yang mewah-mewah dan minuman yang lazat-lazat.

Tajuk persidangan kita hari ini adalah, "Cara-cara menyelamatkan adik perempuan yang dirogol dan adik lelaki yang kelelasan." Itulah kata si abang sulung selaku pengerusi majlis. Adik-adik yang lebih muda dengan bersemangat hendak terus bergocoh dengan pendatang-pendatang haram tersebut, dan juga tanpa menghiraukan keselamatan, ingin sahaja terus menyelamatkan adik lelaki mereka yang semakin kelelasan itu. Tetapi dengan tenang si abang-abang berkata, "Inilah orang muda, suka sangat ikut perasaan. Cuba hormat sikit orang tua. Kita ambil jalan yang lebih berdiplomasi."

Akhirnya, si abang berjumpa dengan ketua pendatang haram tersebut. "Ini resolusi-kami. Jangan rogol adik kami lagi. Kalau nak sangat tubuh adik kami pun, cuba hentikan rogol tu dulu. Kita buat gencatan nafsu." Maka mereka pun berbincang. Sambil berbincang itu, pencabulan terhadap adik perempuan itu masih berjalan sambil ditonton oleh adik-beradik yang lain. Tentang si adik lelaki yang kelelasan, seorang dari mereka cuba

Look into my eyes

Tell me what you see

You don't see a damn thing

'cause you can't relate to me  
You're blinded by our differences

My life makes no sense to you

I'm the persecuted one

You're the red, white and blue

Each day you wake in tranquility

No fears to cross your eyes

Each day I wake in gratitude

Thanking God He let me rise

You worry about your education

And the bills you have to pay

I worry about my vulnerable life

And if I'll survive another day

Your biggest fear is getting a ticket

As you cruise your Cadillac

My fear is that the tank that has just left

Will turn around and come back

Yet, do you know the truth of where your money goes?

Do you let the media deceive your mind?

Is this a truth nobody, nobody, nobody knows?

Has our world gone all blind?

Semua ini menjadi hujah ke atas kita bahawa jikalau musuh yang kita hadapi itu adalah kuasa besar dunia sekalipun, kita sebenarnya mampu!! Kita mampu dapatkan semula hak kita yang telah dirampas, setiap inci persegi bumi Palestin. Rentetan sejarah ini harus sentiasa diulang dan diingati agar semangat kita untuk Palestin tidak akan pernah luntur.

Justeru, wajarlah kita untuk mengingati sejarah yang silam - bukan untuk dikenang-kenang, bukan juga untuk dibangga-banggakan, sebaliknya untuk menjadi bukti dan pembakar semangat, bahawa umat Islam mampu dan akan membebaskan Palestin dari penjajah dalam masa yang terdekat ini. Kita pantang menyerah sebelum berjuang, pantang maut sebelum ajal.

Semoga ROQS dapat mengingatkan kita pada sejarah perjuangan gemilang umat Islam terhadap Palestin, selanjutnya menggerakkan jiwa dan jasad kita untuk terus bertindak mempertahankan dan mendapatkan semula bumi Palestin yang telah dirampas oleh musuh-musuh Allah.

Marilah kita bertindak segera dan berjuang dengan segala kemampuan yang ada untuk Palestin, kerana selagi Palestin masih terjajah, usaha membebaskannya terpikul di bahu kita, di bahu semua Muslim. Masing-masing boleh memainkan peranan yang berbeza dan pelbagai mengikut kapasiti dan kreativiti masing-masing. Tepuk dada, tanyalah iman akan peranan anda untuk Palestin.

Akhir kata, marilah kita kembali kepada Islam yang sebenar lalu yakinlah, bahawa Islam pasti menang.

— Oleh: Muhammad Aizat Amiruddin ([www.tobekardi.blogspot.com](http://www.tobekardi.blogspot.com)) —  
Fakulti Perubatan, Jordan University of Science & Technology

mendapatkan bot penyelamat, tapi dihalang oleh abang yang lain. "Hoi monyet... senyaplah... pengkhianat!" Getus hati si adik yang tidak puas hati kerana bot penyelamat yang ada telah dibocorkan oleh abang-abang mereka.

Akhirnya adik-adik berdarah muda telah diketepikan. Bagi si abang, adik berdarah muda merosakkan keadaan sahaja. Adik-adik muda ada yang dikenakan akta Ikut Suka Aku, dikhatankan buat kali kedua, dirosakkan khemahnya dan pelbagai lagi. Manakala, adik-adik perempuan muda pula ditakut-takutkan akan hilang kehormatannya.

Keadaan semakin genting. Adik-beradik tadi melakukan mesyuarat kononnya tergepar pula. Kali ni mereka agak sepakat.

"Kami mengutuk sekeras-kerasnya tindakan pendatang haram mencabul adik perempuan kami..."

"Selamatkan adik kami yang kelemasan."

Tetapi mereka hanya memasang banner di sepanjang pantai tersebut. Dengan harapan, ada orang yang akan membantu mereka. Adik perempuan mereka semakin terus dicabul. Pakaian adik perempuan mereka sudah tidak ada lagi di tubuh. Adik-beradik tadi hanya terus menonton drama cabul-mencabul itu dari dekat selepas bermesyuarat yang kononnya tergepar itu. Adik lelaki mereka pula sekiranya tadi tangannya kelihatan, kini seolah-olah sudah hampir mati.. Hanya menunggu malaikat maut datang mengambil nyawa. Lalu, diangkatlah lagi banner "Selamatkanlah adik kami yang kelemasan" setinggi-tingginya dengan harapan ada orang lain yang membantu.

Apabila melihat banner itu tidak berkesan. Mereka bermesyuarat lagi. Dan mereka mengeluarkan banner yang baru. Yang lebih cantik dan mahal. Adik perempuan terus dinodai. Adik lelaki sudah semakin hanyut di tengah lautan. Adik-beradik lain pula terus bermesyuarat dan mesyuarat untuk menghasilkan banner dengan *wording* yang lebih menarik. Itulah kisah keluarga besar di suatu tempat yang dirahsiakan namanya...

Catatan: Adik perempuan itu bernama Palestin, adik lelaki itu bernama Iraq, abang-abang itu negara Arab yang kaya raya, adik-adik yang senyap itu negara umat Islam yang membangun atau mundur, adik-adik yang berdarah muda itu gerakan-gerakan Islam, mesyuarat itu pula adalah mesyuarat OIC, bapa yang mati adalah Khilafah Uthmaniyyah...

Oleh: Musafir Lalu (ex-Darul Quran, JAKIM)



Menanti Nafas Cinta  
Oleh : Mohd Lutfi Hafifi Bin Japili.  
www.lutfihafifi.com

\*\*\*\*\*

“23...23.... Muhammad Ramadhan!”, Garau sedikit suara yang dimiliki oleh Dr. Muhammad Ridha. Kebiasaannya pelajar akan diberi nombor kehadiran oleh para pensyarah untuk diambil kedatangan mereka, ini memudahkan para pensyarah untuk mencatat kehadiran dengan cepat.

“Ya saya...maaf doktor” ,Terkejut , dia menjawab dengan kelam kabut.

“Kamu fikirkan apa? Ingat katil di rumahkah?” , Gurau doktor , mengusik pelajar yang termenung itu. Satu kelas tertawa.

Tidak sepertimana biasa, doktor pada hari ini tidak mengajar sepertimana biasa . Subjek dunia Islam yang menjadi subjek elektif itu digantikan dengan pengisian rohani.Sepanjang waktu , doktor memberi tazkirah mengenai bulan Ramadhan, mungkin kehangatan bulan mulia ini sudah mula dirasakan. Pengajaran, kemuliaan dan hikmah bulan Ramadhan diceritakan dengan penuh semangat agar pelajar dapat mengambil iktibar dan persediaan sebelum menempuh bulan suci ini.

“Muhammad Ramadhan, kamu sudah bersedia belum untuk Ramadhan ini?” Mungkin pertanyaan doktor itu sengaja diberikan pada dia, kerana namanya barangkali.

“Insyallah, erm.. doktor boleh saya tanya sesuatu?”, serius nadanya. Pelajar lain mula menumpukan perhatian pada beliau.

“Apa pandangan doktor tentang suasana Ramadhan di Palestin?, ketika saudara-saudara kita menggadai nyawa di sana dalam suasana Ramadhan yang tidak pernah aman hampir 50 tahun, kita disini bakal berpuasa dengan selesa dan aman?, Bukankah bulan suci ini kita digalak membantu mereka yang ke-susahan?”. Tegas soalnya bak orangnya.

mampu merampas kembali Palestin. Ramai yang terlalu kagum dengan kuasa besar Amerika dan sekutunya negara haram Israel lalu menganggap bahawa mereka adalah kuasa kebal yang tidak mungkin dapat dikalahkan, dan Palestin tidak mungkin dapat dikembalikan.

Kalau itulah yang anda fikirkan, anda silap!

Lupakah kita, bagaimana susah dan payahnya perjuangan dakwah Rasulullah SAW, yang tidak kenal erti rehat dan senang-lenang yang kemudiannya diteruskan oleh para sahabat Radhiallahu’anhum, sehingga akhirnya terbukanya Baitul Maqdis di tengah khalifah agung Umar al-Khattab RA dan sekaligus membebaskannya dari cengkaman kuasa Rom, yang merupakan kuasa besar dunia ketika itu?

Lupakah kita, bagaimana Baitul Maqdis pernah dirampas oleh tentera salib, namun dengan semangat dan kekentalan iman dan keteguhan syakhsiah, umat Islam di bawah pimpinan Salahuddin al-Ayyubi telah berjaya merampas semula Baitul Maqdis, dan tentera salib hanya sempat memerintah selama 90 tahun? Dan lupakah kita, pada semangat perjuangan rakyat peribumi Palestin:

**-Revolusi al-Quds pada 1920,**

**-Revolusi al-Buraq 1929,**

**-Perjuangan Kumpulan Jihadiyyah yang dipimpin oleh al-Qassam,**

**-Revolusi Agung dalam akhir 1930-an,**

**-Operasi-operasi Komando Palestin sekitar akhir 1960-an,**

**-Intifadah Pertama sekitar 80 dan 90-an,**

**-Intifadah Kedua pada September 2000...**

serta siri perjuangan yang tidak pernah henti oleh penduduk Palestin, yang menjadi saksi kececalan mereka mempertahankan tanah umat Islam dari perampas Zionis, walaupun dengan kekuatan persenjataan yang sangat sedikit?

# Untukmu Palestin: Lupakah Kita?



Assalamualaikum WBT dan Salam Perjuangan Pembebasan.

Percaya atau tidak, keparahan luka di bumi Palestin pada hari ini adalah cerminan kepada betapa buruknya perangai dan pemikiran kita umat Islam kini. Adalah sesuatu yang amat memalukan, apabila 1.3 billion umat Islam tidak mampu mengusir hanya beberapa juta penduduk haram Yahudi di tanah Palestin. Ia sungguh memalukan!

Telah menjadi suatu lumrah, apabila sesuatu kelompok itu ditekan, pada peringkat permulaan mereka akan bangkit menentang dengan segala kekuatan dan semangat berkobar-kobar. Namun lama-kelamaan, semangat itu sedikit demi sedikit terhakis, kemudiannya menjadi satu kelompok suara minoriti dan kemudiannya semakin luput ditelan zaman. Kini, suatu penjajahan yang ditentang habis-habisan satu ketika dahulu sudah tidak lagi menjadi sesuatu yang memalukan, dan akhirnya ia dianggap sesuatu yang harus diterima sebagai suatu hakikat yang tidak mungkin diubah lagi... Inilah sikap umat Islam kini, khususnya terhadap isu Palestin.

Ramai di kalangan umat Islam sudah tidak yakin bahawa umat Islam

“Apa yang kamu cakapkan ini?, kau tak pernah bersyukur duduk disini menikmati keamanan?”, sampuk Ahmad Ali, garang wajah pelajar Jordan seorang ini. Jiwa nasionalisnya cukup kuat.

Abdullah yang duduk di sebelah mencubit peha kiri Muhammad Ramadhan dan tangkas berbisik, “Kau nak mati ke tanya soalan macam ini?..”, kelas jadi riuh, ada yang memprotes soalan tadi, ada yang hanya menjadi pemerhati.

“Diam semua...!”. Sedikit naik suara Dr. Ridha, “Saya harap kamu semua bertenang dan berbaik sangka atas soalan beliau tadi, mungkin maksudnya tentang bagaimana membantu orang didalam kesusahan di bulan Ramadhan, betul tidak?”. Tajam mata Dr.Ridha memandang ke anak mata Muhammad Ramadhan, sesuatu yang tersirat lahir di anak mata Dr.Ridha.

“erm..Itulah maksudnya yang sebenar doktor..tiada yang lain..”,Abdullah menyampuk mengiakan kata-kata doktor tadi,mahu membantu sahabatnya yang seorang ini. Muhammad Ramadhan hanya diam.

Jam tepat 12.30 tengahari, ini tandanya kelas sudah tamat.

“Baiklah kelas, kita kesuntukan masa, jika ada ruang kita akan sambung esok”, Dr.Ridha berdiri dan terus berjalan ke kerusi Ramadhan, “Kamu ke bilik saya petang nanti..”,bisik Dr.Ridha dan kemudian meninggalkan kelas.

Abdullah mengajak Muhammad Ramadhan untuk terus ke beredar dari kelas, bimbang Ahmad Ali si “wira Nasionalis” itu membuat onar.

“Kau ni, semangat pun biarlah bertempat, kita bukan di tanah air kita ...”, nasihat Abdullah.



“Mereka takkan faham dan mereka memang tak akan faham, Wira Nasionalis konon!”, bentak Muhammad Ramadhan, tanda tidak berpuas hati dengan keadaan tadi.

Jelas terpancar kekecewaan Muhammad Ramadhan tentang perkara ini. Masakan tidak, sepatutnya bangsa Arab Islam lebih mengerti dan lebih faham tentang perjuangan mempertahankan bangsa seagama mereka yang berkorban di bumi Isra’ itu, ini tidak, bukan dibela, malahan di cerca lagi.

Penyakit hati apakah yang sudah menutup pintu hati kemanusiaan mereka ini ?. Terlana dengan buaian syair bangsa hingga lupa teriak tangis manusia yang tidak berdosa, bangsa seagama mereka.



**PERJUANGAN YANG TIADA NOKTAH.**

\*\*\*\*\*

“Saya faham perasaan kamu, saya juga tahu penderitaan bangsa kamu, ermm...bangsa kita”,lembut suara Dr.Muhammad Ridha, barangkali mahu menenangkan perasaan anak muridnya yang seorang ini.


“Inilah yang membuatkan saya menjadi pendidik di sini, jika mata-mata mereka sudah ditutup dengan perjuangan ini, sudah menjadi tanggungjawab saya untuk membuka mata-mata mereka untuk menyedari isu ini, kalau pun bukan dari kaca mata bangsa dan agama, kita perjuangkan melalui kesedaran kemanusiaan..”, nampak tenang suara beliau, namun wujud ketegasan di wajah beliau.

“Tapi doktor saya kecewa dengan mereka...saya mahu perjuangan ini diperjuangkan..!!”. Muhammad Ramadhan melahirkan kekecewaan yang teramat sangat, merah mata beliau.



*Sempena Memperingati Hari Al-Quds Sedunia , marilah kita sama-sama mendoakan perjuangan sahabat-sahabat kita berada di Bumi jihad Palestin. Hurlurkan sumbangan dalam apa jua bentuk sekalipun , berjuanglah atas dasar apa sekalipun untuk membela perjuangan dan hak-hak mereka. Perjuangan dan nilai-nilai kemanusiaan harus kita ambil iktibar untuk sama-sama mempermaskan lagi istiqamah kita didalam perjuangan ini. Tidak kira siapapun kita , masing-masing harus punya kesedaran dan tanggungjawab ke atas perjuangan ini*

*— Karya , Mohd Lutfi Hafifi Bin Japili. —  
Mu'tah , Jordan.*





“Ramadhan...perjuangan ini tidak akan berakhir hingga hari qiamat, kamu sudah lupa janji-janji Allah dan Rasul-Nya mengenai tanah lahir kamu?. Jika kamu hatta saya sekalipun terlalu emosi untuk memperjuangkan isu ini, sampai bila kita akan berbalah sesama kita? Kesedaran dan hikmah perlu kamu teliti”, sedikit tegas suara pensyarah di awal 50an ini cuba memahamkan anak muridnya yang masih muda ini. Beliau faham, pelajarnya yang seorang ini punya semangat yang tidak pernah luntur.

“Ss..saya Cuma teringat keluarga saya...”. Air mata Muhammad Ramdhan sudah menitik dari belahan merah matanya. “Saya teringat pada mereka, sampai sekarang saya masih rindu pada mereka, rejim Yahudi memang bukan manusia, pembunuh!!”. Sedih, kali ini air matanya cukup deras, dia tidak mampu menahan kepiluan hati.

Dr.Muhammad Ridha, berdiri dan pergi ke kerusi pelajarnya itu lantas memeluk dan menenangkan hati anak muda yang terluka itu, “Kamu jangan menangis lagi , kamu ada saya yang sentiasa bersama-sama kamu, kamu ada ribuan hatta jutaan manusia yang akan sama-sama memperjuangkan bumi barakah kita”. Pertemuan petang itu memberi satu kekuatan buat Muhammad Ramadhan dan juga menjadi satu azimat perjuangan buat Dr.Muhammad Ridha untuk terus berbakti pada perjuangan luhur ini.

Darah jihad ini tetap akan mengalir, seperti lajunya titisan darah pejuang-pejuang syahid di medan sana.



Tidak lama selepas itu, anak kecil itu dibawa berhijrah ke Jordan oleh bapa saudaranya, mungkin tanah itu selamat untuk anak kecil dan sehingga ini anak kecil itu tidak pernah pulang ke tanah itu lagi.

Muhammad Ramadhan tersedar dari nostalgia lalu. Air mata mengalir..rindu pada ibu, ayah dan abangnya..

Mentari senja jatuh dengan begitu indah petang itu, Ramadhan masih lagi duduk di celah batuan besar tepi bukit Iraq melihat dengan dekat sempadan dua tanah di timur tengah ini. Agaknya dia masih leka bermain dengan perasaan dan nostalgianya senja itu, ada sesuatu yang cuba diwarnakan di liang khayal dan fikirannya.

Lagi 5 hari lagi bulan Ramadhan akan menyapa umat Islam sedunia, pelbagai persediaan telah dilakukan di merata tempat. Namun bagi yang bernama Muhammad Ramadhan ini ada sesuatu yang beliau simpan di semat hatinya, kedatangan Ramadhan setiap tahun pasti mengingatkan dia dengan sebuah cerita yang tidak akan dilupakan dalam dirinya.

Ramadhan kali ini beliau bertekad....

Beliau akan pulang ke tanah itu, mencari cinta dan secebis sayang yang lama dinantikan. Rindunya untuk mencium bau-bauan syuhada' makin mendalam. Cinta pada tanah perjuangan ini tidak akan hilang sampai mati..

Dia akan terus menanti nafas cinta ini.

*“Ibu..ayah...abang... Ramadhan akan pulang.....”*

-TAMAT-

